



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH
*EXPERIENCING GOLF IN SEBERANG PERAI:
MAYOR'S CUP 2022*
SEMPENA SAMBUTAN HARI BANDARAYA SEBERANG PERAI
2022

OLEH

YANG BERTHORMAT DATO' IR HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN
ABD RAHMAN
TIMBALAN KETUA MENTERI 1

TARIKH / MASA / TEMPAT
17 SEPTEMBER 2022 (SABTU)
1.00 PETANG

**BUKIT JAWI GOLF RESORT
JAWI**

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama pada petang ini dalam Majlis Penutup Dan Penyampaian Hadiah Program *Experiencing Golf In Seberang Perai: Mayor's Cup 2022* Sempena Sambutan Hari Bandaraya Seberang Perai 2022 di Bukit Jawi Golf Resort, Jawi.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1, Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, Para Penaja, para peserta atau pemain golf yang telah beraksi dalam kejohanan Golf Piala Datuk Bandar pada hari ini dan para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian. Saya amat menghargai penglibatan tuan-tuan dan puan-puan dalam menjayakan majlis yang diadakan pada petang ini.

Dengan rasa bangga dan semangatnya, saya ingin mengucapkan **tahniah dan syabas** atas kejayaan penganjur yang telah berjaya memastikan kejohanan ini berjalan dengan lancar sehingga pada saat ini. Ini menunjukkan semangat kerjasama, berganding bahu dan muhibbah di kalangan Jawatankuasa Penganjur juga bersama pemain-pemain semua.

Yang Berhormat Dato', Yang Berhormat-Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato Seri dan Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP amat menggalakkan aktiviti sukan akan menganjurkan banyak program sukan seperti kayuhan basikal, dan sukan rekreasi melalui kerjasama dengan pihak swasta dan penglibatan masyarakat setempat. Pihak pengurusan MBSP sentiasa komited dalam meningkatkan tahap kesihatan rohani dan jasmani terutamanya kepada warga kerja agar ianya dapat memberi impak yang positif kepada pembangunan sahsiah serta menerapkan nilai gaya hidup yang lebih aktif dan sihat.

Pada tahun ini, MBSP merancang untuk menganjurkan Pertandingan Piala Datuk Bandar MBSP dalam pelbagai acara sukan. MBSP bersama-

sama PESUKA telah berjaya menganjurkan Kejohanan Hoki Sembilan Sebelah Piala Datuk Bandar 2022 buat pertama kalinya dalam bulan Mac 2022. Kejohanan Golf Piala Datuk Bandar yang diadakan hari ini adalah Kejohanan Piala Datuk Bandar yang kedua dianjurkan. MBSP akan menganjurkan Kejohanan Piala Datuk Bandar bola jaring, badminton, bina badan dan lain-lain acara sukan dalam masa terdekat. Saya berharap kita akan mendapat banyak penyertaan daripada warga kerja MBSP sendiri, agensi-agensi kerajaan dan swasta. Dengan wujudnya sukan muhibah ini, secara tidak langsung akan merapatkan hubungan sesama rakan sejawat dan masyarakat.

Program Kejohanan Piala Datuk Bandar ini selari dengan Penang2030 di bawah tema A iaitu "*Increase liveability to enhance quality of life*" dan mengikut inisiatif strategi A4 iaitu "*Diversify recreation, sports, arts and culture facilities*". Bersukan melalui aktiviti seperti hoki, bola sepak, golf, berbasikal dan lain-lain lagi adalah aktiviti-aktiviti sosial yang telah dan akan diketengahkan oleh MBSP. Selain bersantai, bersukan mengeluarkan peluh adalah satu aktiviti menyihatkan badan yang perlu dilaksanakan oleh MBSP dalam membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan warga kerja MBSP dan masyarakat umum.

Acara bersukan sesungguhnya merupakan antara medium yang boleh menyatukan masyarakat tanpa mengira pangkat, usia, jantina dan bangsa. Kehidupan yang cergas dan aktif adalah penting untuk kesihatan tubuh badan dan seterusnya akan menghasilkan fikiran yang cerdas dan minda yang kreatif. Badan yang sihat juga akan melahirkan insan yang cergas dengan minda yang cerdas. Gabungan ciri-ciri ini akan mencorakkan personaliti yang terbaik dalam diri kita, sekaligus memberikan idea atau sumbangan yang kreatif dan produktif kepada organisasi.

Yang Berhormat Dato', Yang Berhormat-Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato Seri dan Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Kejohanan Golf Piala Datuk Bandar Tahun 2022 adalah kali pertama dianjurkan oleh MBSP. Kejohanan golf seumpama ini dapat mengeratkan lagi ikatan silaturrahim di kalangan agensi-agensi kerajaan dan swasta. Menang atau kalah bukanlah ukuran penting untuk menentukan kualiti pemain, tetapi dinilai dari segi semangat kesukanan bersatu padu, bertoleransi, sikap menerima kekalahan serta meraikan pemain yang menang.

Seramai 132 pemain golf amatir dari pelbagai latar belakang telah menyertai kejohanan pada tahun ini, termasuklah kategori jemputan dan terbuka. Hadiah bernilai wang tunai yang ditawarkan secara keseluruhan bernilai RM29,910.00.

Mana-mana pemain yang berjaya memenangi "*Hole-In-One*" pula layak memenangi kereta *BMW 3 Series* dan motosikal *Harley Davidson*. Selain itu, ada pelbagai hadiah cabutan bertuah yang menarik turut disediakan yang terdiri dari peralatan-peralatan elektrik dan peralatan golf dengan hadiah utama sebuah motosikal (*Ottimo Viz 110*).

Yang Berhormat Dato', Yang Berhormat-Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato Seri dan Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada semua pemain golf yang bertanding. Tahniah pada pemain-pemain yang berjaya dalam kejohanan ini, dan pada yang tidak berjaya, janganlah berputus asa, kekalkan semangat dan cuba lagi pada masa akan datang. Yang penting adalah pengalaman dan kesedaran yang

diperolehi yang amat bermakna bagi setiap pemain. MBSP akan memperbanyakkan lagi sukan-sukan seperti ini dan saya mengharapkan penglibatan yang banyak lagi daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta pada masa akan datang.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan kepada semua terutama barisan ahli Jawatankuasa Penganjur di atas kejayaan penganjuran Kejohanan Piala Golf Datuk Bandar Edisi Pertama Tahun 2022. Bagi pemain-pemain yang terlibat, terima kasih kerana meluangkan masa menyertai kejohanan ini.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***